

Kerajaan diminta laksana SPP tahun depan

UM 26 DEC 2001

PETALING JAYA 25

Dis. — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini meminta kerajaan melaksanakan Skim Penanaman Perkhidmatan (SPP) pada tahun depan sebagai usaha segera melindungi para pekerja yang diberhentikan akibat daripada kegawatan ekonomi.

Preaiden MTUC, Senater Zainal Ramak berkata, pihak kerajaan tidak boleh lagi menunggu untuk

mendapatkan persetujuan para majikan untuk melaksanakan SPP kerana ia hanya akan menganiayai kaum pekerja di negara ini.

Tegas beliau, MTUC merasa bimbang jika skim itu tidak dilaksanakan sekarang akan bertambah lagi syarikat yang gulung tikar tidak membayar pampasan yang sewajarnya kepada pekerja.

Ujar Zainal, Kementerian Sumber Manusia harus mengutamakan kehendak majoriti iaitu pekerja yang berjumlah sembilan juta orang di negara ini berbanding segelintir majikan yang menentang SPP.

"Kerajaan tidak perlu melayan pandangan majikan yang tidak berpandangan jauh ini.

"Mereka juga cuba menunjukkan sikap

angkuh tanpa mahu mempedulikan nasib pekerja yang ada," katanya kepada Utusan di sini, hari ini.

SPP dicadangkan oleh MTUC dua tahun lalu dan di sokong oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, usaha untuk melaksanakannya terbantut ekoran tentangan yang dibuat oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) kerana percaya ia akan menambahkan lagi beban kewangan majikan.

Tambahan pula, majikan telah diwajibkan untuk mencarum dalam Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Untuk mengatasi masalah itu, kerajaan bercadang meminda Akta Perkeso bagi membolehkan SPP dijadikan satu skim di bawah pertubuhan tersebut.

Zainal menambah, para majikan yang menentang pelaksanaan SPP sebenarnya lupa bahawa tiada jaminan bahawa mereka akan kekal menjadi majikan untuk eatu tempoh yang lama.

"Mereka harus ingat bukan selama-lamanya syarikat mereka akan teguh dan kaya.

"Oleh kerana itu skim ini perlu diwujudkan sebagai jaminan keselamatan untuk pekerja," katanya.

Ujar Zainal, MTUC tidak sanggup melihat lebih ramai pekerja dibuang tiesuka hati oleh majikan yang gulung tikar atau mufliis tanpa sebarang pampasan.

Dalam pada itu, Zainal percaya pelaksanaan SPP berdasarkan satu skim barudi bawah Perkeso nanti mampu menghasilkan kutipan kira-kira KM6 juta sebulan atau KM72 juta setahun.

Menurutnya, ini berdasarkan sumbangan 50 sen masing-masing oleh majikan dan setiap pekerja dengan jumlah pekerja makan gaji mencecah enam juta orang sekarang.

"Dengan jumlah wang sebanyak ini sudah tentu ia mencukupi untuk membayar pampasan pekerja yang diberhentikan.